



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA  
NEGERI MELAKA**

Aras 5, Menara Persekutuan  
Jalan Persekutuan, Ayer Keroh  
75450 Melaka

Tel: 06-2895000

Faks: 06-2345201 / 5202 / 5207

Web: <http://portalpp.anm.my/melaka>

Ruj. Kami : ANM(T)MEL/03/68 JLD.3 ( 66 )  
Tarikh : 1 April 2022  
Bersamaan : 29 Syaaban 1443H

Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ)  
Di bawah seliaan JANM Negeri Melaka

Tuan,

**PEMBAYARAN GAJI DI BAWAH INISIATIF *SHORT-TERM EMPLOYMENT*  
PROGRAM (MySTEP) MELALUI ARAHAN PEMBAYARAN iGFMS**

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan, Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat (BPTM), Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) telah membuat penambahbaikan ke atas **Arahan Pembayaran Pendapatan Bercukai (Jenis Dokumen K6)**, di bawah Modul Bayaran (Modul AP) untuk membenarkan Kumpulan Penerima Bayaran selain Penjawat Awam (EMP) dan *One Time Vendor* (OTV).

3. Sehubungan itu, pembayaran gaji kepada pegawai yang dilantik di bawah inisiatif MySTEP yang menggunakan Arahan Pembayaran hendaklah mematuhi perkara berikut:

- 3.1 Menggunakan **kod pembekal PANS** (Penerima Bayaran Bukan Pembekal – **14 Siri**). Sekiranya kod pembekal telah diwujudkan di bawah 60 Siri, PTJ boleh menggunakan kod tersebut sementara menunggu kemudahan *mass upload* bagi pindahan kod pembekal;
- 3.2 Caruman Majikan dan Pekerja bagi caruman KWSP dan PERKESO hendaklah dikreditkan ke kod akaun L1311903;
- 3.3 Mencatatkan **perihal bayaran** mengikut format "**GajiMySTEP/ Bulan/Tahun**"; dan
- 3.4 Memastikan dokumen pembayaran adalah lengkap.

4. Selain itu, pembayaran kepada KWSP dan PERKESO hendaklah dibuat selepas Arahan Pembayaran gaji telah diperaku 2 dan hendaklah dibuat sebelum 15 haribulan bulan berikutnya dengan mematuhi perkara berikut:

- 4.1 Pembayaran dicaj kepada kod akaun L1311903 (sumbangan badan berkanun);
- 4.2 Pembayaran kepada pembekal berikut:
  - a) Caruman KWSP – Kod pembekal 2400000260.
  - b) Caruman PERKESO – Kod pembekal 2400000361.
- 4.3 Mencatatkan **perihal bayaran** mengikut format “**No. Kod Majikan/ Bulan dan Tahun Caruman / 04**”;
- 4.4 Melengkapkan Borang A di dalam portal KWSP dan Borang 8A di dalam portal PERKESO; dan
- 4.5 Memastikan dokumen sokongan adalah lengkap.

5. Untuk tindakan selanjutnya, pihak tuan disarankan merujuk **Lampiran A** untuk penjelasan berkenaan kod akaun yang perlu digunakan semasa penyediaan Arahan Pembayaran.

6. Sehubungan itu, Jabatan ini akan menolak Arahan Pembayaran yang tidak mematuhi ketetapan ini.

Sekian, terima kasih.

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

***“Inovasi Digital Pemacu Prestasi Unggul”***

Saya yang menjalankan amanah,



**(ASLIZARIATI BINTI ABU BAKAR C.A(M), ACMA, CGMA)**

Timbalan Pengarah

b.p. Pengarah

Jabatan Akauntan Negara Malaysia,

Negeri Melaka.

**Kod Akaun**  
**Arahan Pembayaran Gaji Personel MySTEP**

**1. Pembayaran Gaji:**

**Arahan Pembayaran Pendapatan Bercukai (Jenis Dokumen K6)**

Debit: B0229301 – Gaji/upahan

B0229303 – Caruman Majikan KWSP dan PERKESO

Kredit: L1311903 – Sumbangan Badan Berkanun (Caruman Majikan  
dan Pekerja KWSP dan PERKESO)

**2. Pembayaran caruman KWSP / PERKESO:**

**Arahan Pembayaran Invois Tanpa PT (Jenis Dokumen K2)**

Debit: L1311903 – Sumbangan Badan Berkanun (Caruman Majikan  
dan Pekerja KWSP dan PERKESO)